



**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**PEGAWAI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) DIBERIKAN KELULUSAN  
PERSARAAN ATAS FAKTOR KESIHATAN**

---

1. Seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) yang terlibat dengan kemalangan jalanraya pada 10 Ogos 2016 yang lalu telah diberikan kelulusan persaraan atas faktor kesihatan.
2. Beliau ialah Encik Syamaizar Bin Mohamad Yahya yang bertugas sebagai Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29 di JPJ cawangan Kuala Kubu dan telah mula berkhidmat di JPJ sejak 23 November 2008.
3. Kelulusan persaraan ini telah diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di atas kondisi beliau yang tidak lagi mampu untuk meneruskan pekerjaan sebagai penjawat awam **setelah disahkan mengalami hilang upaya kekal dengan peratus taksiran 100%**. Pelaksanaan ini adalah di bawah Seksyen 10(5) (a) Akta Pencen 1980 (Akta 227)
4. Di antara faedah-faedah yang diterima adalah terdiri daripada:
  - a) Ganjaran
  - b) Pencen
  - c) Gantian Cuti Rehat
5. Ini merupakan usaha dan inisiatif JPJ dalam memastikan kebajikan warganya sentiasa terbela apabila dilanda musibah atau malapetaka.
6. Terdahulu, berdasarkan laporan polis(TRAFIK HULU SELANGOR/005175/16) – Pegawai tersebut telah terlibat dalam kemalangan jalanraya semasa pulang ke rumah dari tempat kerja di Jalan Batang Kali Genting Highland pada 10 Ogos 2016 lebih kurang jam 7.00 malam menaiki motosikal No.Pendaftaran BMT 4692, jenis Kawasaki Warna Merah.
7. Berikutan kemalangan ini, pegawai ini telah mengalami kecederaan parah sehingga terpaksa membuang sebahagian daripada tempurung kepalanya.

8. Sebelum ini, Lembaga Perubatan telah membuat keputusan dengan memberikan **Cuti Perubatan Khas dan dibayar gaji pokok dan imbuhan-imbuhan tetap berdasarkan jawatan hakikinya** ekoran disahkan menghidapi kecederaan otak @ dan kelemahan akal/tubuh beliau akan menjadi kekal.
  
9. Bagi meringankan beban, warga kerja JPJ serta badan-badan kebaikan yang lain telah turut membantu meringankan beban keluarga anggota melalui sumbangan tunai dan lain-lain.

**-TAMAT-**